

Siva puas hati kerajaan sedia siasat

UM 25 DEC 2001

KUALA LUMPUR, 24 Dis.
— Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N. Siva Subramaniam berpuas hati kerana kerajaan bersedia untuk menyiasat isu pengasingan pelajar mengikut kaum.

“NUTP tidak memberi sebarang tempoh ke ada mereka (Kementerian Pendidikan) untuk menjalankan siasatan, terpulanglah kepada kementerian untuk menentukan tempoh masa yang diperlukan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Siva, dalam masa yang sama NUTP akan terus mengemukakan senarai nama-nama sekolah yang terlibat dengan isu pengasingan pelajar itu.

“Kita tidak akan memberi sebarang ulasan semasa siasatan dijalankan... kita tunggu dan lihat tetapi dalam masa yang sama kita akan terus kemukakan nama 800 sekolah yang terlibat secara berperingkat-peringkat,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilawarkan berkata, kerajaan akan meneliti laporan NUTP mengenai seramai 200 sekolah yang dikatakan terlibat dengan pengasingan pelajar mengikut kaum.

Katanya, langkah itu perlu diambil lagi menentukan sama ada isu itu berlaku atau sebaliknya.

Sementara itu berhubung penafian beberapa pihak mengenai isu tersebut, Siva berkata, terpulang kepada mereka untuk membuat sebarang kenyataan.

“Negara ini mengamalkan demokrasi, terpulang kepada mereka untuk membuat sebarang andai-an tetapi apa yang dikemukakan oleh NUTP bukan suatu tuduhan melulu” tegasnya.

Mengenai beberapa kenyataan pihak-pihak tertentu yang menyifatkan beliau mengemukakan isu itu untuk kepentingan peribadi, beliau berkata, agendanya sekarang hanya kepada integrasi dan perpaduan kaum.